

# Perdagangan Malaysia – Pakistan cecah RM3.6b

UM- 6/11/2006

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

**ISLAMABAD** 5 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelaksanaan perjanjian perdagangan bebas (FTA) Malaysia-Pakistan tahun depan dijangka dapat meningkatkan nilai perdagangan antara kedua-dua negara kepada AS\$1 bilion (RM3.6 bilion) berbanding AS\$730 juta sekarang.

Perdana Menteri menjelaskan, sasaran itu boleh dicapai berikutan kerjasama perdagangan dan pelaburan Malaysia dan Pakistan dalam pelbagai bidang menunjukkan perkembangan positif.

“Pada waktu ini memang kegiatan ekonomi antara Malaysia dan Pakistan jauh bertambah baik berbanding dahulu. Harapan untuk mencapai nilai perdagangan itu adalah amat baik. Kita harap ia dapat mencapai AS\$1 bilion,” katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar bersama rakan sejawatannya, Shaukat Aziz selepas mengadakan pertemuan bilateral di kediaman rasmi Perdana Menteri Pakistan di sini hari ini.

Perdana Menteri yang tiba di sini semalam dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Pakistan.

Malaysia dan Pakistan menandatangani perjanjian tuaian awal (EHP) pada Oktober tahun lalu yang membuka jalan kepada perdagangan bebas yang perjanjiannya dijadualkan ditandatangani pada akhir tahun ini.

Di bawah program EHP yang berkuatkuasa 1 Januari lalu, Pakistan menawarkan untuk membeli 126 produk meliputi 5.49 peratus daripada nilai import RM146.3 juta.

Malaysia pula menawarkan untuk membeli 114 produk dari Pakistan meliputi import bernilai RM22.7 juta yang merangkumi produk tekstil, pakaian, keluaran pertanian dan barang kemas.

Mengenai hubungan bilateral, Abdullah berkata, beliau gembira dengan hasil pertemuan dengan Shaukat hari ini dan berharap hubungan sedia ada dapat terus ditingkatkan.

Sementara itu, Shaukat berkata, perdagangan antara kedua-dua negara telah berkembang pesat sejak dua tahun lalu, begitu juga dengan penyertaan Malaysia

**Pada waktu ini memang kegiatan ekonomi antara Malaysia dan Pakistan jauh bertambah baik berbanding dahulu. Harapan untuk mencapai nilai perdagangan itu adalah amat baik. Kita harap ia dapat mencapai AS\$1 bilion**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

dalam pelaburan di Pakistan.

“Setakat ini terdapat 40 syarikat Malaysia yang menjalankan perniagaan di Pakistan,” jelasnya.

Beliau menambah, Malaysia dan Pakistan telah bersetuju secara dasar menubuhkan syarikat pelaburan bersama untuk menggalakkan pelaburan antara kedua-dua buah negara.

Terdahulu, kedua-dua Perdana Menteri

itu menyaksikan majlis menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) iaitu antara Lembaga Lebuh Raya Pakistan (NHA) dan Minconsult Sdn. Bhd. untuk pembinaan 409 kilometer lebuhraya menghubungkan Qila Saifullah-Zolib-Di Khan dengan Qila Saifullah-Loralai di Balochistan.

Ia ditandatangani oleh Pengarah Minconsult International Ltd., Datuk Dennis

Ganendra manakala NHA diwakili Pengerusinya, Mejar Jeneral Farrukh Javed.

MoU kedua pula ialah antara Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) yang diwakili oleh Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dengan Institut Perbankan dan Kewangan Ltd. (NIBAF) yang diwakili Pengerusinya, Dr. Shamshad Akhtar. Zeti ialah Pengerusi INCEIF

– Utusan